

BERITA HARIAN

Dr M terus mahu hapus kuota calon

SHAH ALAM: Tun Dr Mahathir Mohamad semalam mengulangi gesaannya supaya Perlembagaan Umno dipinda untuk membolehkan, sistem kuota pemilihan yang diguna pakai sejak sekian lama dimansuhkan bagi membolehkan lebih ramai pemimpin Umno berkecenderungan bertanding.

Sistem yang diluluskan pada Perhimpunan Agung Khas Umno pada Oktober 1988 itu, antara lain menetapkan mereka yang ingin bertanding jawatan Presiden perlu mendapat sekurang-kurangnya 30 peratus pencalonan atau 57 daripada 191 bahagian Umno, manakala Timbalan Presiden (20 peratus), Naib Presiden (10 peratus) dan ahli MT (lima peratus).

Sehingga kini, Ahli Majlis Tertinggi (MT) parti tidak membuat sebarang keputusan berhubung gesaan menghapuskan sistem kuota pemilihan itu kerana perlu mendapatkan maklum balas daripada semua peringkat terutama akar umbi.

Dr Mahathir yang juga bekas Presiden Umno, berkata jika sistem kuota itu terus diguna pakai, sudah pasti Perdana Menteri yang juga Presiden parti, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan memperoleh lebih 30 peratus pencalonan, manakala tiada calon lain yang boleh melepasi kuota itu.

Menjelang Disember ini, sudah pasti Abdullah akan mendapat lebih 60 pencalonan tetapi calon lain gagal. Kita tengok Razaleigh (Tengku Razaleigh Hamzah) yang hanya memperoleh satu pencalonan walaupun bahagian lain berjanji untuk menyokongnya.

"Tetapi, kerana ada arahan tertentu daripada pemimpin tertinggi parti, bahagian ini tidak berani untuk menyokongnya. Mereka tidak berani menyuarakan Spa yang ketua tidak mahu dengar. Ini antara satu sebab mereka kata-pilihan raya lalu" katanya selepas menjadi ahli panel sempena Forum Sambutan Ulang Tahun Ke-25 Dasar Pandang Ke Timur di sini, semalam.

Beliau berkata, Umno yang menyambut ulang tahun penubuhan ke-62 semalam perlu mengekalkan perjuangan berlandaskan prinsip demokratik dengan memberi kebebasan kepada ahlinya memilih ketua bukan melarang ahli daripada menyuarakan pandangan atau mengadakan Mesyuarat Agung Khas (EGM).

Sementara itu di Tasek Gelugor, Umno Bahagian itu semalam berpendirian supaya sistem kuota pencalonan untuk pertandingan pelbagai jawatan dalam pemilihan Umno dimansuhkan.

Ketuanya, Datuk Seri Mohd Shariff Omar, berkata Umno bahagian itu menyokong pendirian Naib Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang mahu sistem kuota dimansuhkan demi kebaikan Umno.

Katanya, pelaksanaan sistem kuota menghalang ahli Umno untuk bertanding merebut pelbagai jawatan sekaligus menyebabkan parti menjadi tidak 'segar' kerana tidak berlaku peralihan pucuk pimpinan.

Kalau hendak amal demokrasi, mengapa perlu sekat, berilah orang bertanding dan tidak perlu kuota," katanya.